

**MODUL CEMERLANG
SET 2**

TINGKATAN	PELAJARAN	TAJUK
4	PEL 9	Pengaruh Yang Merosakkan Pemikiran
4	PEL 10	Rabbaniyyah (Ketuhanan)
4	PEL 11	Syumuliyyah (Lengkap)
5	PEL 5	Perundangan Islam
5	PEL 6	Falsafah Ibadat Dalam Islam

PELAJARAN 9 PENGARUH YANG MEROSAKKAN PEMIKIRAN (KERTAS 1)

- 1 Berikut adalah ciri-ciri pengaruh budaya luar yang bertentangan dengan Islam **kecuali**
 - A Menggalakkan manusia mencari harta tanpa had
 - B Memuja pemimpin negara yang berjasa
 - C Mengutamakan agama dalam kehidupan seharian
 - D Memberi kebebasan kepada manusia bertindak tanpa batas

- Fahaman Kapitalisme
 - Fahaman Sekularisme
 - Fahaman Liberalisme
- 2 Penyataan di atas adalah merujuk kepada
 - A ciri-ciri pengaruh asing yang negatif
 - B bentuk-bentuk pengaruh luar yang negatif
 - C kesan pengaruh budaya asing
 - D penyebaran pengaruh budaya luar
- 3 Bagaimakah pengaruh budaya luar menular dalam kalangan orang Islam ?
 - A Melalui pergaulan antara kaum
 - B Melalui kebanjiran warga asing di negara kita
 - C Melalui kemajuan teknologi yang canggih
 - D Melalui budaya dan pemikiran
- 4 Apakah punca utama budaya asing yang begitu mudah mempengaruhi masyarakat Islam di Malaysia?
 - A Mengamalkan hidup bebas
 - B Kurang mendalami ilmu agama
 - C Kekuatan akidah yang tidak mantap
 - D Tidak melaksanakan ibadah
- 5 Manakah antara berikut kesan negatif daripada pengaruh budaya asing?
 - I Melahirkan masyarakat yang maju
 - II Mewujudkan semangat berdaya saing
 - III Melahirkan masyarakat yang mementingkan diri sendiri
 - IV Menggugat keimanan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Tulis istilah yang bersetujuan dengan pernyataan berikut dalam ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

6 Fahaman ini mengalakkan amalan riba dalam ekonomi.

7 Fahaman yang memisahkan urusan dunia dengan urusan akhirat.

8 Fahaman yang memberi kebebasan kepada setiap individu yang menyebabkan penindasan.

9 Fahaman yang mencegah hak milik perseorangan dan menjadikan milik negara.

10 Mengadakan pendapat baru yang bertentangan dengan akidah dan syariat Islam

JAWAPAN PELAJARAN 9			
1	C	6	Kapitalis
2	B	7	Sekularisme
3	D	8	Liberalisme
4	B	9	Komunisme
5	C	10	Ajaran sesat

10

PELAJARAN 9

PENGARUH YANG MEROSAKKAN PEMIKIRAN (KERTAS 2)

1 a. (i) Nyatakan maksud ajaran sesat?

2 markah

(ii) Terangkan **dua** ciri ajaran sesat?

4 markah

a. _____

b. _____

b. Terangkan **dua** implikasi mengikut ajaran sesat terhadap individu? 4 markah

a. _____

b. _____

1	a.	(i)	Maksud ajaran sesat Ajaran sesat ialah sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam	2m
		(ii)	Dua ciri ajaran sesat <ul style="list-style-type: none"> - Kepercayaan kepada akidah yang bertentangan dengan Ahli sunnah wal Jamaah /I seperti mempercayai kitab lain selain al Quran /H - Mempertikaikan kebenaran al Quran dan Hadis/ I seperti golongan anti Hadis /H - Mendakwa dirinya atau orang lain /I sebagai nabi terakhir/ Nabi Isa / Imam Mahdi/H - Pendewaan diri atau ketua kumpulan yang bertentangan dengan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah/ I seperti Al Bahai /H 	4m
	b.		Dua implikasi mengikut ajaran sesat kepada individu <ul style="list-style-type: none"> - Seseorang itu akan terkeluar daripada agama Islam /I kerana telah terbatal akidahnya /H - Jiwaanya tidak tenang /I kerana tidak mempunyai panduan hidup yang betul/ H 	4m

PELAJARAN 10 - RABBANIYAH (KERTAS 1)

1

Segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terdapat dalam Islam bersumberkan wahyu Allah SWT dan hadis

Pengertian di atas merujuk kepada

- A Uluhiyyah
- B Rububiyyah
- C Syumuliyyah
- D Rabbaniyyah

2 Prinsip-prinsip Rabbaniyyah ialah

- I Islam menjamin hak asasi manusia
- II Islam adalah agama yang diwahyukan Allah SWT
- III Islam dan seluruh makhluk adalah hak milik Allah SWT
- IV Islam menekankan keseimbangan hidup di dunia dan di akhirat

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 3 Berikut adalah cara menghayati sifat Rabbaniyyah, **kecuali**
- A berakhlak mulia dan terpuji
B berjihad dengan harta dan nyawa
C bekerja bersungguh-sungguh untuk kesenangan hidup
D mengerjakan suruhan dan meninggalkan larangan-Nya
- 4 Manakah antara pernyataan berikut membuktikan Islam agama langit?
- I Mempunyai kitab suci
II Disampaikan oleh utusan Allah SWT
III Kelahiran agama Islam tertentu waktunya
IV Prinsip-prinsipnya boleh dipinda mengikut zaman
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 5 Agama budaya ialah
- A ajaran yang dibawa melalui rasul
B kepercayaan berasaskan bimbingan wahyu
C ajaran yang bersumberkan wahyu Allah SWT
D ajaran yang berasaskan cita-cita, pengalaman dan penghayatan pengasasnya tanpa bimbingan wahyu

Lengkapkan pernyataan berikut.

- 6 _____ ialah segala konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang bersumberkan wahyu Allah SWT
- 7 _____ dan nahi mungkar merupakan nilai baik yang dianjurkan oleh Allah SWT untuk mengawal keselamatan manusia di dunia dan di akhirat.
- 8 _____ ialah berusaha bersungguh-sungguh dengan mengorbankan harta benda, nyawa, masa dan tenaga.

Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan

- 9 Menyekutukan Allah dengan sesuatu yang lain pada zat, sifat dan perbuatan.
- 10 Terpelihara daripada melakukan dosa kecil dan dosa besar

JAWAPAN PELAJARAN 10			
1	D	6	Rabbaniyyah
2	B	7	Amar ma'ruf
3	C	8	Jihad
4	A	9	Syirik
5	D	10	Maksum

10

KERTAS 2

1 a (i) Nyatakan pengertian Rabbaniyyah

[2 markah]

(ii) Terangkan dua cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah dalam diri

[4 markah]

i. _____

ii. _____

b (i) Terangkan **dua** ciri Islam sebagai agama samawi.

[4 markah]

. _____

. _____

ii. _____

. _____

1	a	(i)	Pengertian Rabbaniyyah ialah segala hukum, konsep, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam bersumberkan wahyu Allah s.w.t. dan Hadis.	1X2 markah [2 markah]
		(ii)	Dua cara untuk memiliki sifat Rabbaniyyah dalam diri: <ul style="list-style-type: none"> - Mengamalkan akhlak yang mulia dan terpuji/ (I)dalam kehidupan sehari-hari/(H) - Berusaha bersungguh-sungguh /(I)untuk mencari keredhaan-Nya/(H) 	2X2 markah [4 markah]
	b	(i)	Dua ciri Islam sebagai agama samawi: <ul style="list-style-type: none"> - Ajarannya bersifat kekal /(I) tanpa sebarang perubahan/(H) - Nilai-nilainya bersesuaian dengan manusia /(I) dalam kehidupan/(H) - Prinsipnya bersifat mutlak /(I) sehingga kiamat/(H) - Kelahiran agama langit tertentu waktunya. 	2X2 markah [4 markah]

PELAJARAN 11 - SYUMULIYYAH (KERTAS 1)

1 Lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat

Pengertian di atas merujuk kepada

- A Uluhiyyah
- B Waqi'iyyah
- C Syumuliyyah
- D Rabbaniyyah

2 Nyatakan prinsip-prinsip Syumuliyyah

- I Ajaran Islam bersifat praktikal
 - II Manusia sebagai khalifah Allah
 - III Kesempurnaan hanya milik Allah
 - IV Setiap makhluk tunduk kepada sunnatullah
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

3 Hubungan manusia dengan pencipta-Nya dikenali sebagai ibadat

- A khusus
- B umum
- C sunat
- D harus

4 Kesalahan yang dikenakan hukuman balas seperti membunuh dibalas bunuh

Pernyataan di atas menerangkan tentang hukum

- A Qisas
- B Takzir
- C Hudud
- D Penjara

5 Menggunakan kemahiran dan kepakaran memperdayakan orang tanpa disedari oleh orang lain.

X merujuk kepada

- A rasuah
- B monopoli
- C manipulasi
- D pecah amanah

6	Agama yang lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan di akhirat	<input type="text"/>
7	Tatacara perhubungan sesama manusia untuk memenuhi keperluan hidup.	<input type="text"/>
8	Fahaman yang memisahkan agama dengan kehidupan harian.	<input type="text"/>
9	Bunga atau pertambahan bayaran dalam urusan jual beli.	<input type="text"/>
10	Penguasaan sepenuhnya ke atas sesuatu barang.	<input type="text"/>

JAWAPAN PELAJARAN 11

1	C	6	Syumliliyyah
2	D	7	Muamalat
3	A	8	Sekularisme
4	A	9	Riba
5	C	10	Monopoli

10

1 a (i) Nyatakan maksud syumliliyyah [2 markah]

(ii) Jelaskan tiga prinsip syumliliyyah [4 markah]

b (i) Terangkan dua aspek syumliliyyah dalam bidang ekonomi [4 markah]

JAWAPAN KERTAS 2

1	a	(i)	Maksud syumuliyyah ialah ajaran Islam lengkap dan sempurna meliputi kehidupan di dunia dan akhirat	1x2 M [2 markah]
		(ii)	Tiga prinsip syumuliyyah <ul style="list-style-type: none"> - Kesempurnaan hanya milik Allah SWT. - Semua makhluk yang hidup di dunia ini terikat dengan masa, tempat dan ruang yang tertentu. - Allah SWT menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi. 	2x2M [4 markah]
	b	(i)	Dua aspek syumuliyyah dalam bidang ekonomi <ul style="list-style-type: none"> - Kebebasan mencari harta (I) berlandaskan syariat Islam (H). - Kewajipan mengeluarkan zakat (I) setelah cukup syarat-syaratnya (H) - Mengurangkan jurang perbezaan yang kaya dengan miskin (I) agar kehidupan lebih harmoni (H). - Mengharamkan penindasan/ monopoli / manipulasi/ riba (I) supaya hidup diberkati Allah S.W.T (H). 	2x2M [4 markah]

PELAJARAN 5 – PERUNDANGAN ISLAM (KERTAS 1)

- 1 Antara yang berikut yang manakah merupakan keunggulan perundangan Islam?
 - A. Hukuman dipersetujui oleh kedua-dua pihak
 - B. Hakim membuat keputusan tanpa ragu-ragu
 - C. Hakim bebas membuat keputusan
 - D. Hukuman bersifat memberi pengajaran
- 2 Pernyataan manakah yang **tidak** berkaitan dengan fikah?
 - A. Meyakinkan umat Islam untuk melaksanakan ibadah
 - B. Menentukan hukum Islam diamalkan dalam kehidupan
 - C. Hukuman yang dijatuhkan bersumberkan dalil dan hujah yang benar
 - D. Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan
- 3 Salah satu hikmah penetapan hukum **sunat** ialah
 - A. Memberi peluang mendapatkan sebanyak mungkin ganjaran pahala daripada Allah S.W.T
 - B. Mengelakkan manusia daripada melakukan penindasan dan kemuatan sesama mereka.
 - C. Menguji manusia sama ada mematuhi perintah Allah S.W.T atau mengingkarinya.
 - D Memberi kebebasan memilih sama ada mahu melakukannya atau tidak.
- 4 Satu daripada penetapan hukum sunat ialah
 - A. Memberi kebebasan memilih sama ada mahu melakukannya atau tidak
 - B. Memberi peluang mendapatkan sebanyak mungkin ganjaran pahala daripada Allah SWT
 - C. Menguji manusia sama ada mematuhi perintah Allah SWT atau mengingkarinya
 - D. Mengelakkan manusia daripada melakukan penindasan dan kemuatan sesama mereka
- 5 Pilih jawapan yang betul berdasarkan hukum-hukum dalam Islam

	Hukum	Keterangan
A	Haram	Larangan Allah SWT yang digalakkan untuk ditinggalkan
B	Wajib	Suruhan Allah SWT yang digalakkan untuk dilakukan
C	Sunat	Perkara yang sangat digalakkan untuk dilakukan
D	Makruh	Perkara yang mesti ditinggalkan

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul. Tandakan (✗) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|
| 6 | Hukum bunuh pengedar dadah adalah fatwa yang telah diwartakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. | <input type="checkbox"/> |
| 7 | Perundangan Islam bersifat universal dan sesuai dilaksanakan walaupun di negara majoriti penduduknya bukan Islam. | <input type="checkbox"/> |
| 8 | Majlis Fatwa Kebangsaan telah memfatwakan pengklonan manusia adalah harus dalam Islam. | <input type="checkbox"/> |
| 9 | Semua orang Islam boleh berijtihad tentang sesuatu hukum fikah. | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Matlamat perundangan Islam ialah untuk menjaga martabat dan kedudukan seseorang dalam masyarakat. | <input type="checkbox"/> |

JAWAPAN PELAJARAN 5			
1	D	6	✓
2	D	7	✓
3	A	8	X
4	B	9	X
5	C	10	X

10

KERTAS 2

- 1 Jelaskan **dua** kepentingan perkahwinan kepada masyarakat. [4 markah]

- 2 Terangkan **dua** cara penyelesaian masalah dalam perkahwinan [4 markah]

- 3 Jelaskan faktor keruntuhan institusi perkahwinan. [4 markah]

JAWAPAN PELAJARAN 5: KERTAS 2

1	<p>Kepentingan perkahwinan kepada masyarakat.-</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab. - Melahirkan ikatan persaudaraan yang kukuh. - Mengelakkan kekacauan dan huru-hara dalam masyarakat. 	<p>[4 markah]</p>
2	<p>Cara penyelesaian masalah dalam perkahwinan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Merujuk kepada pihak yang berkaitan (I) sekiranya pergaduhan berpanjangan (H) - Membubarkan perkahwinan secara baik (I) seperti talak ,fasakh atau khulu'. (H) 	<p>[4 markah]</p>
3	<p>Faktor keruntuhan institusi perkahwinan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengabaikan tanggungjawab (I) terhadap keluarga (H). - Malas berusaha (I) untuk memenuhi keperluan keluarga (H) - Gagal bertolak ansur (I) dalam sesuatu perkara yang memerlukan persetujuan bersama (H). 	<p>[4 markah]</p>

PELAJARAN 6 - FALSAFAH IBADAT DALAM ISLAM (KERTAS 1)

Menghalang seseorang daripada mendapat pahala

- 1 Pernyataan di atas merujuk kepada implikasi melakukan hukum
- A. Makruh
 - B. Haram
 - C. Wajib
 - D. Sunat

“Dan aku tidak ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka **menyembah-Ku**”

(Surah al-Zariyat, 51 : ayat 56)

- 2 Maksud menyembah dalam ayat di atas ialah
- A. Mengabdikan diri kepada Allah SWT
 - B. Melaksanakan Rukun Islam
 - C. Menyeru kepada kebaikan
 - D. Melakukan solat fardu kerana Allah SWT
- 3 Antara yang berikut yang manakah **bukan** kepentingan perkahwinan terhadap seseorang individu?
- A. Melahirkan zuriat yang sah
 - B. Memupuk keperibadian yang luhur
 - C. Memberikan ketenangan dalam hidup
 - D. Menjamin ikatan persaudaraan yang kukuh
- 4 Manakah padanan yang betul mengenai kesalahan dan hukuman jenayah menurut Islam?

	Kesalahan	Hukuman
A	Zina muhsan	Disebat 100 kali
B	Murtad	Disebat 100 kali
C	Minum arak	Disebat 40 kali
D	Qazaf	Disebat 40 kali


Darus telah ditangkap mencuri sebuah jam tangan berharga RM225.00

- 5 Apakah hukuman yang sepatutnya dikenakan kepada Darus?
- Dirampas hartanya
 - Potong pergelangan tangan
 - Dinasihati supaya bertaubat
 - Didenda dan bayar gantirugi

Tandakan (/) pada pernyataan yang betul.

- 6 Hukuman takzir ialah hukuman balas balik seperti membunuh dibalas bunuh. ()
- 7 Seseorang yang melakukan qazaf boleh direjam sampai mati ()
- 8 Taubat bermaksud _____ dengan perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak akan mengulanginya lagi.

Soalan 9 hingga Soalan 10 berdasarkan carta di bawah
Carta di bawah merujuk kepada jenis hukum jenayah Islam



- 9 P ialah _____
- 10 Q ialah _____

JAWAPAN PELAJARAN 6

1	A	6	X	10
2	A	7	X	
3	D	8	sesal	
4	C	9	Takzir	
5	C	10	diat	

KERTAS 2

- 1 Nyatakan **tiga** contoh perlakuan jenayah. [3 markah]
-

- 2 Nyatakan **tiga** jenis hukum jenayah menurut Islam. [3 markah]
-

- 3 Jelaskan **dua** perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan jenayah bukan Islam. [2 markah]
-
-

JAWAPAN

1	Tiga contoh perlakuan jenayah. <ul style="list-style-type: none"> – Mencuri – Tidak menunaikan solat – Tidak berpuasa pada bulan Ramadan – Minum arak 	[3 markah]
2	Tiga jenis hukum jenayah menurut Islam. <ul style="list-style-type: none"> – Hudud – Qisas – Diyat – Takzir 	[3 markah]
3	Jelaskan dua perbezaan antara hukum jenayah Islam dengan jenayah bukan Islam.	[4 markah]
	Hukum Jenayah Islam	Hukum Jenayah Bukan Islam
	<ul style="list-style-type: none"> • Ciptaan Allah s.w.t 	<ul style="list-style-type: none"> • Digubal hasil pengalaman pihak berkuasa
	<ul style="list-style-type: none"> • Mendapat berkat Allah s.w.t 	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada keberkatan Allah s.w.t
	<ul style="list-style-type: none"> • Kuasa pengampunan qisas dalam kuasa keluarga mangsa 	<ul style="list-style-type: none"> • Kuasa pengampunan dalam kuasa mahkamah